

SAHABAT MENURUT SYIAH: SATU ANALISIS MENURUT PANDANGAN IḤSĀN ILĀHĪ ZĀHIR¹

Oleh:

Mohd Fakhruddin b. Abd Mukti²

Azmil b. Zainal Abidin³

Mohd Fuad b. Mokhtar⁴

ABSTRAK

Kajian ini membahaskan berkenaan kritikan Iḥsān Ilāhī Zāhir berkaitan isu sahabat menurut Syiah. Persoalan kajian ini adalah untuk mengetahui konsep sahabat menurut Syiah, kritikan beliau berkenaan sahabat disamping meninjau pandang pada sudut dimensi Islam yang sebenarnya berkenaan sahabat. Kajian ini adalah kajian perpustakaan dengan memperhalusi kritikkannya melalui karya-karya beliau disamping kajian-kajian terdahulu yang pernah dilakukan. Kajian ini mendapati konsep sahabat sebagaimana yang diimani oleh Syiah bercanggah dengan apa yang diimani oleh ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Mereka mendakwa dalam kalangan mereka juga terdapat sahabat yang adil, fasik, munafik bahkan

¹ Nama sebenar beliau ialah Iḥsān Ilāhī Zāhir b. Zuhūr Ilāhī Aḥmad al-Dīn b. Nadham. Beliau dilahirkan pada 31 Mei 1945 di Sialkot, Punjab Pakistan dari keluarga berketurunan Seethe. Bapanya bernama Zuhūr Ilāhī Aḥmad al-Dīn b. Nadham. Seorang peniaga pakaian yang terkenal dengan sifat amanah dan berpegang dengan faham aliran salafi. Iḥsān Ilāhī Zāhir merupakan seorang ilmuwan dan pendakwah yang tegas dalam menangani isu penyelewengan akidah yang dibawa oleh aliran-aliran yang menyeleweng seperti *Qadianī*, *Bahā'iyyah*, *Bābiyyah*, *Ismā'iyyah* dan Syiah. Kesungguhan beliau mempertahankan kesucian agama Islam khususnya daripada ancaman Syiah, melalui karya-karyanya, pidato, khutbah, seminar dan sebagainya memberi tamparan hebat terhadap Syiah di seluruh dunia Islam. Berbagai percubaan untuk membunuh beliau telah dilakukan oleh pelbagai pihak yang akhirnya membawa kepada terbunuhnya beliau pada 20 Mac 1987. Sila rujuk Alī b. Mūsā Al-Zaḥranī, *Iḥsān Ilāhī Zāhir wa Juhūdhu fī Taqrīr al-'Aqīdah wa al-Radd 'ala al-Firāq al-Mukhālafah*, Sa'udī Arabiyyah: Jāmi'at Umm al-Qurā, 1421, h. 3-15

² Mohd Fakhruddin b. Abd Mukti (Ph.D), pensyarah Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kuala Ketil, Kedah.

³ Azmil b. Zainal Abidin (Ph.D), pensyarah Jabatan Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

⁴ Mohd Fuad b. Mokhtar (Ph.D), pensyarah Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar Perak.

terkeluar daripada Islam. Justeru itu mereka berpandangan buruk terhadap sahabat sehingga mencerca mereka bahkan mengkafirkannya.

Kata kunci: *Ihsān Ilāhī Zāhir, kritikan, sahabat*

PENDAHULUAN

Topik perbahasan berkenaan sahabat menurut Syiah merupakan perbincangan penting yang perlu diambil perhatian rentetan dari fahamannya yang berbeza dengan faham Ahli sunnah wa al-Jamā'ah. Doktrinnya yang diimani oleh mereka telah memberi implikasi besar dengan berubahnya kerangka Islam yang sebenar dalam pelbagai aspek samada akidah, fikah dan akhlak sehingga menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. Justeru itu, kefahaman yang jelas berkenaan fahaman sahabat dan doktrinnya dalam syiah wajar diketahui dan diperhalusi agar Islam yang diterima melalui wasilah sahabat adalah benar dan tidak bercampur dengan fahaman songsang yang bercanggah dengan Islam.

SAHABAT MENURUT SYIAH

Persoalan sahabat merupakan perbahasan yang penting dalam ajaran Syiah Imamiah. Ia dilihat telah melakari kemunculan sebahagian besar doktrin dan akidah lain dalam Syiah. Menurut Asad Haidar, para sahabat mempunyai kelebihan tetapi mereka bukannya maksum seperti nabi dan rasul. Mereka seperti orang lain, ada yang adil, ada yang tidak adil, ada yang fasiq dan ada yang melakukan maksiat kerana mereka dinilai berdasarkan perbuatan mereka.⁵ Oleh itu, yang baik akan diberikan ganjaran kerana kebaikan mereka dan yang jahat akan dibalas kerana kejahatan mereka.

Syiah Imamiah mengatakan, para sahabat termasuk dalam golongan orang munafik, orang yang melakukan fitnah dan orang yang menukarkan perkara-perkara tertentu berkenaan Rasulullah S.A.W. Mereka melakukan penipuan sehingga datangnyanya kebenaran.⁶ Terdapat

⁵ Asad Haydar (1987), *Al-Ṣaḥābah Menurut Perspektif Islam*, trj. Hj. Khalid Kasban, Singapura: Pustaka al-Ikhwan, h. 4.

⁶ *Ibid.*, h. 9.

di kalangan mereka yang menyakiti Rasulullah S.A.W sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah S.W.T di dalam firmanNya:

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُهِينًا ﴿٥٧﴾

(Al-Aḥzāb 33:57)

Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan RasulNya, Allah akan melaknatinya di dunia dan di akhirat dan disediakan baginya seksa yang menghinakan.

Syiah juga berpandangan, terdapat juga di kalangan para sahabat dari kalangan penipu dan orang yang menzahirkan keimanan⁷ sebagaimana yang mereka fahami dari firman Allah S.W.T:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَيَا لَيْتَ هُمْ يَكْفُرُونَ ﴿٨﴾
يَتَّبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ءَامَنُوا وَمَا تُخَدَّعُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ
وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾

(Al-Baqarah 2:8-9)

Di antara manusia ada yang mengatakan: Kami beriman kepada Allah dan Hari Kemudian, padahal mereka itu sesungguhnya bukan orang yang beriman. Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka banyak menipu dirinya sendiri sedang mereka tidak sedar.

Oleh itu, sahabat bagi pandangan Syiah Imamiah tidak maksum samaada pada hayat Nabi S.A.W atau selepasnya. Walau bagaimanapun Syiah Imamiah menghormati dan menyanjungi para sahabat yang diuji dengan ujian yang pelbagai di dalam membantu agama Islam dan berjuang jiwa dan raga serta harta benda mereka.

⁷ Ibid.

Menurut Muḥammad Riḍā al-Muzaffar, Syiah merupakan *firqah* yang mendukung *Ahl al-Bayt* (keluarga) Nabi S.A.W, mereka mencintai *Ahl al-Bayt*, mazhab dan pegangan mereka berdasarkan perkataan dan perbuatan *Ahl al-Bayt*, dan mereka meneladani *Ahl al-Bayt* dan berjuang kerananya.⁸ Bagi Syiah, *Ahl al-Bayt* hanya dibatasi kepada beberapa orang sahaja iaitu Saidina ‘Alī dan isterinya Saidatina Fāṭimah serta anaknya Saidina Ḥasan dan Ḥusayn dan keturunan dari zuriat mereka sahaja. Mereka telah menyisihkan anak-anak Saidina ‘Alī selain dari Saidina Ḥasan dan Ḥusayn daripada *Ahl al-Bayt* seperti Muḥammad b. al-Ḥanafiah. Begitu juga sahabat lain seperti Saidina Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān b. ‘Affān, ‘Abbās, Ja‘far, ‘Abd Allāh, ‘Ubayd Allāh dan Yahyā. Bahkan mereka mengeluarkan anak kandung Rasulullah S.A.W sendiri iaitu Saidatina Zainab dan Ummu Kalthum serta anak-anak mereka daripada dikategorikan sebagai *Ahl al-Bayt*. Bahkan anak Saidina Ḥasan b. ‘Alī juga mereka tidak masukkan sebagai *Ahl al-Bayt* kerana turut tidak disenangi.⁹ Ia bercanggah dengan pandangan Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah yang mengkategorikan *Ahl al-Bayt* adalah keturunan dari kalangan isteri-isteri Baginda S.A.W dan anak-anaknya termasuk menantu-menantunya, pakcik-pakcik Baginda S.A.W dan anak-anaknya dan juga termasuk semua keturunan yang ada hubungan darah dengan Baginda S.A.W umumnya.¹⁰

Sikap pilih kasih Syiah Imamiah dalam mengkategorikan kelompok *Ahl al-Bayt* menimbulkan beberapa persepsi buruk mereka kepada para sahabat dan kritikan yang melampau. Mereka menuduh para sahabat besar seperti Saidina Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān dan para sahabat lain dengan pelbagai tuduhan termasuk Saidatina Aisyah isteri Rasulullah S.A.W.¹¹ Muḥammad al-Baqīr al-Majlisī menyatakan :-

Sesungguhnya kita berkecuali daripada berhala yang empat iaitu Abū Bakr, ‘Umar, Uthmān, Mu‘āwiyah dan perempuan yang empat iaitu ‘Āishah, Ḥafsah, Hindūn, ‘Umm al-Ḥakam dan semua pengikut-pengikutnya, mereka semua adalah sejahat-jahat makhluk Allah di atas muka bumi, tidak akan sempurna keimanan kepada

⁸ Al-Muzaffar (t.t), *‘Aqā’id al-Imāmiyyah*, Iran: Mu’assasat Ansaria, h. 83.

⁹ Iḥsān Ilāhī Zāhir (1987), *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, trj. Bey Arifin, Surabaya: PT Bina mu, h. 15-29.

¹⁰ *Ibid.*, h. 21.

¹¹ Al-Tunsawī (1986), *Buṭlān ‘Aqā’id al-Shī‘ah*, Qāhirah: Dār al-‘Ulūm li al-Ṭibā‘ah, h. 48.

*Allah, Rasulnya dan para imam kecuali selepas berlepas diri daripada musuh-musuh mereka.*¹²

Ibn Babawayh al-Qummī pula berkata:-

*‘Umar berkata ketika hampir hendak mati, Aku bertaubat kepada Allah daripada tiga perkata: Aku dan Abū Bakar telah merampas kedudukan Khalifah tanpa persetujuan manusia. Aku telah mengangkat Abū Bakar menjadi khalifah dan melebihkan sebahagian Muslimin terhadap sebahagian yang lain.*¹³

Menurut Muḥammad al-Tijānī al-Samawī, Syiah menghina para sahabat dan menganggapnya sebagai manusia yang paling buruk akhlaknya, hina keturunannya, perampas kuasa, gilakan dunia dan sebagainya.¹⁴ Ia turut diperakui oleh al-Khomaini¹⁵ dan al-Kulaynī¹⁶ dan juga ulama-ulama lain. Banyak riwayat yang ditulis oleh ulama’ mereka mengkafirkan para sahabat, memurtadkan, melaknat, memaki hamun, menghina dan melakukan *tabarra’* iaitu memutuskan hubungan kasih sayang dengan para sahabat. Mencela, melaknat dan mengkafirkan para sahabat nabi Muhammad S.A.W adalah ibadah yang sangat mulia disisi Syiah. Mereka menuduh dengan pelbagai tuduhan yang tidak berasas dan ia jelas dimuatkan dalam kitab-kitab mereka seperti Abu Ḥasan ‘Alī b. Ibrāhīm al-Qummī dalam kitabnya *Tafsīr al-Qummī*, Abu Manṣūr Aḥmad b. ‘Alī b. Abī Ṭālīb dalam kitabnya *al-Ihtijaj*, Muhammad Baqir al-Majlisī dalam kitabnya *Hayāh al-Qulūb*, Abu Ja‘far Muḥammad b. ‘Alī b. Ḥusanayn Babawaih al-Qummī dalam kitabnya *Kitāb al-Hiṣāl*, Neamatullah al-Musawī al-Jazayrī dalam kitabnya *al-Anwār al-Nu‘maniyyah* dan lain-lain lagi.

Sebenarnya, banyak hadis-hadis Syiah yang menghina para sahabat Nabi S.A.W sebagaimana di atas termasuklah menghina Saidina ‘Alī b. Abī Ṭālīb yang diagungkan oleh mereka. Begitu juga penghinaan

¹² Ia adalah kenyataan Muḥammad al-Baqir al-Majlisī dalam kitabnya *Ḥaq al-Yaqīn*. *Ibid.* h. 48.

¹³ Iḥsān Ilāhī Zāhir (1987), *Syiah Berbohong Atas Nama Ahlul Bait*, trj. Bey Arifin & Mu‘ammal Hamidy, Surabaya: PT Bina mu, h. 21.

¹⁴ Al-Samawī (t.t), *al-Shī‘ah Hum Ahl al-Sunnah*, London: Mu‘assasah al-Fajr, h. 29-30.

¹⁵ Khimaynī (t.t), *Kashf al-Asrār*, ‘Ammān: Dār Ammar li al-Nashr wa al-Tawzi‘, h. 414.

¹⁶ Al-Kulaynī (1992), *Uṣūl al-Kāfī*, Bayrūt: Dār al-Awa’, h. 418.

mereka terhadap Saidatina Fāṭimah bt. Muḥammad, isteri Saidina ‘Alī b. Abū Ṭālib, penghinaan terhadap Saidina Ḥasan b. ‘Alī, Ḥusayn b. ‘Alī bahkan penghinaan terhadap *Ahl al-Bayt* Rasulullah S.A.W dan juga putera-puteri Nabi S.A.W.¹⁷ Mereka mendakwa seolah-olah mereka adalah dari kalangan *Ahl al-Bayt* atau yang menyanjung tinggi *Ahl al-Bayt* tetapi sebenarnya mereka mempunyai persepsi yang tidak baik terhadap sahabat-sahabat sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab-kitab mereka.

Pemikiran ini ditimbulkan dalam ajaran Syiah oleh ‘Abd Allāh b. Sabā’ *al-Yahūdī al-Khabīth* dengan tujuan untuk memporak perandakan Islam, menyelewengkannya dan memasukkan ajaran lain ke dalam agama Islam. ‘Abd Allāh b. Sabā’ telah memperkenalkan pelbagai ajaran baru dalam Islam dengan menjadikan Saidina ‘Alī b. Abī Ṭālib sebagai pemimpin yang sah dan memperlihatkan rasa kasih dan setia terhadapnya. Begitu juga mereka cuba menghasut umat Islam agar memusuhi ramai sahabat seperti Saidina Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān dan lain-lain.¹⁸ Ia turut diperakui oleh al-Kashī seorang tokoh besar dalam *firqah* Syiah. Menurut beliau, sesungguhnya umat Islam telah menzalimi Saidina ‘Alī dan telah merampas haknya, iaitu hak khalifah dan wilayahnya, Maka wajiblah ke atas seluruh umat kini untuk membantu dan menolongnya. Seterusnya hendaklah mereka menarik balik bai’ah dan ketaatan mereka kepada Saidina ‘Uthmān.¹⁹

Hakikatnya Saidina ‘Alī tidak pernah memperkenalkan akidah memuja beliau dan meninggikannya, begitu juga akidah mengkafirkan dan menghina para sahabat. Beliau tidak bersetuju semua dakwaan tersebut yang disandarkan kepada beliau oleh Syiah. Ia sengaja diada-adakan bagi tujuan menghina bahkan mengkafirkan para sahabat lain.

Syiah juga berpandangan Saidina Abū Bakr telah merampas jawatan khalifah daripada Saidina ‘Alī selepas kewafatan baginda

¹⁷ Antara kitab yang membicarakan berkenaan penghinaan Syiah terhadap para sahabat ialah kitab yang dikarang oleh Ibn ‘Amr Muḥammad b. ‘Umar b. ‘Abd al-Azīz al-Kāshī, *Rijāl al-Kāshī*, Bayrūt: Mu’assasah al-A’alā li al-Maṭbū’āt, h. 78-80. Niematullah al-Jazayrī (2008), *al-Anwār al-Nu’māniyyah*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kūfah, h. 61, Muḥammad Ya’qūb al-Kulaynī, *al-Rawḍah min al-Kāfi*, j. 8, h. 245.

¹⁸ Saiyyid Neamatullah al-Musāwī al-Jazayrī, *al-Anwār al-Nu’māniyyah*, j. 2, h. 234. Lihat juga Abī Ja’far b. Muḥammad b. al-Ḥasan b. Alī al-Ṭūsī (t.t), *Ikhtiyār Ma’rifah al-Rijāl*, j. 2, ttp: Markaz Taḥqīqāt wa Muṭāla’āt, h. 107 & 108. Lihat juga Iḥsān Ilāhī Zāhir (1994), *Shī’ah dan Sahābah*, trj. Baharuddin. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd., h. 2-3.

¹⁹ Ia merupakan kenyataan al-Kishī yang dipetik oleh penulis dalam kitab Iḥsān Ilāhī Zāhir, *Syiah dan Ṣaḥābah*, 2-3. Lihat *Ibid*.

Rasulullah S.A.W. Dalam peristiwa perlantikan Saidina Abū Bakr sebagai khalifah di Balai Banī Saqīfah, para sahabat termasuk keluarga Rasulullah S.A.W berbai'ah dengan Saidina Abu Bakr sebagai khalifah yang pertama sedangkan Syiah Imamiah sebenarnya mereka inginkan dari kalangan *Ahl al-Bayt* mereka sendiri. Mereka telah mencalonkan al-Abbās bapa saudara nabi S.A.W dari Banī Hāshim sebagai khalifah, tetapi akhirnya Saidina Abū Bakr dari golongan muhajirin dilantik sebagai khalifah yang pertama.²⁰ Perlantikan Saidina Abū Bakr sebagai khalifah dikatakan telah merampas jawatan tersebut dari Saidina 'Alī. Selepas kewafatan Saidina Abū Bakr, 'Umar al-Khaṭṭāb dilantik sebagai khalifah menggantikan Saidina Abū Bakr.²¹ Saidina Umar kelihatan lebih agresif dengan meluaskan pengaruh Islam dan melaksanakan dasar yang tidak dapat disempurnakan oleh Saidina Abū Bakr. Islam semakin terserlah dan digeruni oleh negara-negara asing dan menempa nama baik ketika itu. Selepas Khalifah 'Umar mati terbunuh, Saidina 'Uthmān b. 'Affān pula dilantik sebagai khalifah. Pada zaman inilah, fitnah menular dan api permusuhan semakin menjadi. Beberapa gerakan wujud dengan tujuan untuk menimbulkan kacau bilau seperti gerakan Syiah dan lain-lain lagi.²²

Menurut Muḥammad al-Tijānī al-Samawī, Syiah mengkafirkan ramai para sahabat disebabkan mereka menolak ajaran yang dipegang oleh Syiah yang dikatakan berasaskan kepada al-Sunnah sebagaimana dakwaan mereka.²³ Mereka juga menolak al-Qur'an kerana ia disusun oleh para sahabat yang murtad disamping menolak hadith nabi S.A.W kerana diriwayatkan oleh para sahabat yang murtad. Bahkan mereka menuduh Allah S.W.T tidak bijak kerana memilih para sahabat yang ramai murtad kecuali beberapa orang sahabat sahaja. Justeru itu mereka menolak para sahabat bahkan mengkafirkan mereka. Ini jelas bercanggah dengan ajaran Islam yang memerintahkan hambanya untuk mencintai para sahabat dan menjadikan mereka sebagai contoh tauladan.

²⁰ Ihsān Ilāhī Zāhir (1984), *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, Pakistan: Idārah Tarjūman al-Sunnah, 1984), h. 19-29. Lihat Abū Ḥasan al-Ash'arī (2008), *Maqālāt Islāmiyyīn*, Miṣr: Dār al-Nashr, h. 1-5.

²¹ *Ibid.* Muḥammad Yūsuf al-Kandahlawī (1995), *Hayāt al-Ṣaḥābah*, Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabīyyah, 1995), h. 10 & 17. Lihat juga 'Izz al-Dīn Abī al-Ḥasan 'Alī b. Abī al-Karam Muḥammad b. Muḥammad 'Abd al-Karīm b. 'Abd al-Wāḥid al-Shaybānī al-Marūf b. Ibn Athīr (1995), *al-Kām fī al-Tārīkh*, Bayrūt: Dār Ṣādir, h. 325.

²² Abū Ḥasan al-Ash'arī (2008), *op. cit.* Lihat Izz al-Dīn Abī al-Ḥasan 'Alī *et al* (1995), *op. cit.*, h.35.

²³ Muḥammad al-Tijānī al-Samawī (t.t), *al-Shī'ah hum Ahl al-Sunnah*, London: Mu'assasah al-Fajr, h. 23-26.

Sejarah menyaksikan bahawa ketiga-tiga khalifah sebelum Saidina Ali yang terlantik bukan dari kalangan *Ahl al-Bayt* sedangkan Syiah berharap agar ianya dari kalangan mereka. Rentetan dari itu telah menimbulkan beberapa peristiwa tidak baik sepanjang mereka menjadi khalifah bagi menggambarkan perasaan tidak puas hati terhadap ketiga-tiga khalifah tersebut. Walau bagaimanapun Saidina ‘Alī akhirnya terlantik sebagai khalifah keempat setelah didesak oleh para sahabat bagi mengurangkan keadaan tegang yang berlaku ketika itu. Di zaman pemerintahan Saidina ‘Alī sebagai khalifah, telah berlaku peperangan Jamal dan Şifḥīn. Ia adalah manifestasi tersurat kesan daripada kekecewaan memuncak sesama mereka. Peperangan Şifḥīn berkesudahan dengan termeterainya Perjanjian Taḥkīm. Dalam perjanjian tersebut Saidina ‘Alī didakwa teraniaya dengan perjanjian berat sebelah, ditipu oleh Mu’awiyah hingga akhirnya memaksa beliau menyerahkan jawatan khalifah kepada Mu’awiyah b. Abī Sufiān. Beliau telah melantik anaknya Yazid sebagai putera Mahkota dan ianya dianggap melanggar perjanjian.²⁴ Suasana tidak harmoni ini akhirnya mengundang persepsi tidak baik *firqah* Syiah yang mendakwa kononnya mereka telah dizalimi dan menuntut jawatan tersebut dikembalikan kepada anak Saidina ‘Alī. Oleh kerana itulah mereka mula mencipta beberapa doktrin akidah seperti *al-Wāyah wa al-Imāmah*, *al-Raj’ah*, *al-Mahdī* dan sebagainya bagi mengembalikan jawatan khalifah kepada golongan mereka. Justeru itu, mereka menjadikannya sebagai usul akidah penting dalam ajaran Syiah yang perlu diperjuangkan hingga akhirnya matlamat mengembalikan jawatan khalifah atau *Imāmah* kepada mereka tercapai.

KRITIKAN IḤSĀN ILĀHĪ ZĀHĪR TERHADAP PERSOALAN SAHABAT

Persoalan sahabat dibincangkan oleh Iḥsān Ilāhī Zāhīr dalam dua karya utama beliau iaitu *al-Shī‘ah wa al-Sunnah* dan *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*. Persoalan tersebut dibahas dan dikritik oleh beliau rentetan kecaman, tohmahan dan pandangan serong Syiah terhadap para sahabat yang telah berjasa besar menyebarkan agama Islam ke pelusuk dunia. Menurut Iḥsān Ilāhī Zāhīr, ia berpunca dari fitnah yang dilakukan oleh ‘Abdullāh b. Saba’, seorang munafik yang meniup dan menyebarkan fitnah dikalangan para sahabat²⁵ hingga kredibiti mereka sebagai generasi terawal menerima

²⁴ Lihat Suhana Hj. Muhamed (1996), *Konsep Ahl al-Bayt: Satu Perbandingan antara Ahli Sunnah wa al-Jama’ah dan Syiah Imamiah*. Latihan ilmiah, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam UM.

²⁵ Iḥsān Ilāhī Zāhīr (1974), *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, Lāhūr: Maṭba‘at Ma‘arif, h. 31.

sumber hukum melalui Rasulullah S.A.W dipertikaikan. Akhirnya membawa kepada mempersoal dan mempertikaikan apa sahaja yang dibawa dan diriwayatkan oleh para sahabat sekaligus menolak sumber hukum utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Bagi memperkukuhkan dakwaan tersebut, Iḥsān Ilāhī Zāhīr telah mengemukakan pandangan al-Nubakhtī, seorang ‘ulama Syiah bahawa ‘Abdullāh b. Saba’ adalah orang yang terawal menyebarkan fitnah mencaci maki Saidina Abū Bakr bapa mertua Rasulullah S.A.W, Saidina Umar dan menantu baginda Saidina ‘Uthman hingga ia dijadikan doktrin kepercayaan dalam akidah Syiah membenci tiga orang sahabat tersebut, sedangkan Rasulullah S.A.W sendiri tidak pernah membenci mereka²⁶. Penghinaan mereka kepada Saidina Abū Bakr juga diperkukuhkan oleh Iḥsān Ilāhī Zāhīr dengan mengemukakan kenyataan al-Kāshī seorang tokoh Syiah dalam mu *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl* dengan katanya:-

“Muhammad b. Abū Bakr ada menyebutkan kepada kami di sisi Abu Abdlah. Kata Abu Abdlah: “Rahmat dan kesejahteraan daripada Allah terhadapnya.” Kata Muḥammad b. Abū Bakr kepada Amirul Mukminin Ali pada suatu hari: “Bukalah tangan engkau, aku hendak memberikan bai’ah kepada engkau.” Kata Ali, “untuk apa engkau lakukan ini?” Jawabnya: “Sesungguhnya aku hendak memberikan bai’ah kepada engkau.” Ali pun menghulurkan tangannya lalu Muhammad pun membai’ahnya: “Aku naik saksi bahawasanya engkaulah Imam yang wajib ditaati. Sesungguhnya bapaku adalah penghuni neraka”.²⁷

Syiah juga turut mengecam dan mengutuk Khalifah Saidina Umar al-Khaṭṭāb dengan kecaman yang melampau. Bagi memperkukuhkan kenyataan tersebut Iḥsān Ilāhī Zāhīr telah mengemukakan kenyataan Ibn Babawayh al-Qummī, Kata Umar ketika hampir mati:-

“Aku bertaubat kepada Allah daripada tiga perkara – Aku dan Abū Bakr telah merampas kedudukan khalifah tanpa persetujuan manusia. Aku telah mengangkat Abū Bakr

²⁶ *Ibid.*, h. 32.

²⁷ *Ibid.*

*menjadi khalifah dan melebihi sebahagian muslimin terhadap sebahagian yang lain.*²⁸

Beliau juga mengemukakan satu riwayat daripada Abu Abdlah katanya:-

*“Tidak diutus seorang nabi, melainkan di kalangan umatnya terdapat dua ekor syaitan yang kerjanya menyakiti Nabi dan menyesatkan manusia sesudahnya”. Manakala dua ekor syaitan yang mendampingi Nabi Muhammad ialah Jabtar dan Zurayq”.*²⁹

Menurut Mullā Maqbūl al-Hindī, berkata Jabtar ialah Saidina Abu Bakr, dan Zurayd ialah Saidina Umar,³⁰

Begitu juga penghinaan kepada Saidina ‘Uthmān b. ‘Affān menantu Rasulullah S.A.W dan suami kepada dua orang puteri Al-Kāshī berkata:

*“Maka ‘Uthmān pun berjumpa Rasulullah S.A.W lalu katanya: Tidakkah kita masuk Islam dengan tujuan untuk mencela diri dan kehormatan kita. Maka jawab Rasulullah: “Apakah kamu suka dikatakan demikian?” Maka turunlah dua ayat al-Qur’an yang bermaksud: “Mereka mengira dirinya berbudi kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebab mereka telah Islam (tidak melawan dan tidak menentang)”.....*³¹

Bukan hanya sahabat-sahabat yang disebut di atas sahaja yang mendapat kutukan Syiah bahkan mereka turut mengutuk keluarga Nabi S.A.W dan juga tokoh-tokoh besar yang sentiasa mendampingi Nabi S.A.W seperti Saidatina Aisyah isteri baginda S.A.W. Iḥsān Ilāhī Zāhīr menukilkan kenyataan al-Kāshī setelah Saidina ‘Alī b. Abī Ṭālib berjaya mengalahkan penentang-penentangannya dalam peperangan Jamāl. Amirul Mukminin telah mengutus ‘Abdullāh b. ‘Abbās kepada Saidatina Aisyah supaya segera berangkat dan tidak banyak berbicara. Kata Ibn ‘Abbās,

²⁸ *Ibid.*, h. 34.

²⁹ *Ibid.*, h. 35.

³⁰ *Ibid.*, h. 35. Ia adalah tafsiran seorang ulama Syiah yang bernama Maqbūl dalam Quran al-Shi’ī berbahasa Urdu.

³¹ *Ibid.*, h. 39.

“Engkau hanyalah salah seorang daripada sembilan orang janda yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah S.A.W sesudah kewafatannya. Engkau bukanlah yang paling putih kulitnya di antara mereka, engkau bukanlah yang paling cantik wajahnya di antara mereka, engkau bukanlah yang paling terpilih di antara mereka dan engkau bukanlah daripada keturunan yang baik.” Kata Ibn ‘Abbās lagi, “Kemudian aku beredar dan menemui Amīr al-Mukminīn a.s. aku beritahu kepadanya apa yang dikatakannya dan apa pula jawapanmu kepadanya.” Kata ‘Alī, “Aku lebih mengetahui tentang siapa yang aku utuskan engkau.”³²

Iḥsān Ilāhī Ṣāḥir mengemukakan kenyataan di atas berasaskan sumber yang kukuh dari pandangan dan kenyataan ulama Syiah yang muktabar. Beliau menelusuri kitab-kitab mereka bagi membuktikan Syiah sebenarnya membenci dan memusuhi para sahabat.

Iḥsān Ilāhī Ṣāḥir dalam kritikkannya menyimpulkan di mana Yahudi telah membentuk suatu kelompok atas nama Islam di bawah pimpinan ‘Abdullāh b. Saba’ dengan menzahirkan keislaman dan menyembunyikan kekafirannya.³³ Mereka sebenarnya ingin menyebarkan akidah dan pemikiran Yahudi dikalangan kaum muslimin dengan mencipta akidah dan kepercayaan yang salah berkenaan sahabat.³⁴ Mereka juga menyebarkan fitnah dikalangan kaum muslimin dan mengadakan pakatan sulit untuk menjatuhkan khalifah Saidina ‘Uthmān sehingga suasana kacau bilau berlaku. Mereka berjaya membunuh khalifah Saidina ‘Uthmān b. ‘Affān dan berpuluh-puluh ribu lagi para sahabat telah terkorban.³⁵ Menurut Iḥsān Ilāhī Ṣāḥir lagi, mereka cuba menanam perasaan dengki dan dendam kesumat dalam hati manusia supaya membenci Saidina Abū Bakr, Saidina Umar, Saidina ‘Uthmān dan para sahabat lain dengan mengkafirkan mereka kecuali beberapa orang sahaja. Ini semua dilakukan oleh mereka dengan tujuan untuk menghilangkan kepercayaan umat Islam kepada para sahabat sedangkan para sahabatlah yang telah mendengar al-Qur’an daripada Rasulullah S.A.W dan melaksanakan perintahnya. Merekalah yang telah melihat Rasulullah S.A.W menghurai, mentafsir dan menerangkan al-Quran dengan perkataan dan amalannya. Tetapi Syiah menuduh mereka kafir dan murtad dan

³² *Ibid.*, h. 48.

³³ *Ibid.*, h. 24

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

menolak apa sahaja yang datang dari mereka. Syiah juga ingin menimbulkan keraguan di kalangan kaum muslimin agar meragui al-Quran yang ada di tangan kaum muslimin dan menolaknya. Mereka menuduh para sahabat telah melakukan pengkhianatan dengan mengubah, menukar dan mengurangkan kandungannya. Mereka berkata al-Quran sebenar yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W kini ada di tangan Imam al-Mahdi al-Muntaẓar yang diperolehinya dengan jalan wahyu.³⁶

Iḥsān Ilāhī Zāhīr telah menolak pandangan Syiah tersebut dengan mengemukakan pandangan Ahl Sunnah wa al-Jama'ah dengan berasaskan dalil-dalil syara'. Beliau telah mengemukakan pelbagai hadis Rasulullah S.A.W dengan memuliakan para nabi dan memberi peringatan terhadap sesiapa yang mencela mereka. Dalam satu hadis Nabi S.A.W memperingatkan agar jangan mencela para sahabat Nabi S.A.W sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي فَلَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ
مِثْلَ أُحُدٍ ذَهَبًا مَا بَلَغَ مُدًّا أَحَدِهِمْ وَلَا نَصِيفَهُ

*Janganlah kamu mencela para sahabatku. Kalaulah seseorang kamu menafkahkan emas sebesar bukit Uhud, nescaya belum sampai secupak atau setengah cupak dari apa yang mereka nafkahkan.*³⁷

Rasulullah S.A.W juga memuji Saidina Abū Bakr dengan sifatnya yang mulia dan dipercayai:

إِنَّ مِنْ أَمَنِ النَّاسِ عَلَيَّ فِي صُحْبَتِهِ وَمَالِهِ أَبَا بَكْرٍ

Sesungguhnya manusia yang paling aku percayai di dalam persahabatan dan juga hartanya ialah Abū Bakr.

³⁸

³⁶ *Ibid.*, h. 25-29.

³⁷ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab Faḍā' Aṣḥāb al-Nabī, Bāb Qawl al-Nabī S.A.W, no.h. 3673. Lihat Aḥmad b. 'Alī b. Ḥajar al-'Asqalānī (2000), *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 7, Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 27. Ia dinukkan oleh Iḥsān Ilāhī Zāhīr dan dimuatkan dalam kitabnya. Lihat Iḥsān Ilāhī Zāhīr (1974) *op. cit.*

³⁸ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab Manāqib al-Anṣār, Bāb Qawl al-Nabī S.A.W, no.h. 3904. Lihat Aḥmad b. 'Alī b. Ḥajar al-'Asqalānī (2000), *op. cit.*, h. 283. Ia dinukkan oleh Iḥsān Ilāhī Zāhīr dan dimuatkan dalam kitabnya. Lihat *Ibid.*, h. 52.

Rasulullah S.A.W juga memuji Saidina ‘Umar sebagaimana dalam sabdanya:

إِنَّ اللَّهَ جَعَلَ الْحَقَّ عَلَى لِسَانِ عُمَرَ وَقَلْبِهِ

*Sesungguhnya Allah telah letakkan kebenaran di lidah dan di hati ‘Umar.*³⁹

Dalam hadis yang lain baginda menegaskan:

أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ سَيِّدَا كُھُولِ أَهْلِ الْجَنَّةِ مِنَ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ مَا خَلَا النَّبِيِّينَ وَالْمُرْسَلِينَ

*Abū Bakr dan ‘Umar adalah penghulu kepada penghuni di dalam syurga, baik dari kalangan yang terdahulu mahupun yang terkemudian, melainkan para nabi dan juga rasul.*⁴⁰

Allah S.W.T memuji para sahabat dengan beberapa kemuliaan. Rasulullah S.A.W mendoakan mereka dengan keampunan, memuji dan menyanjung mereka dengan kebaikan. Baginda S.A.W telah memberi ancaman kepada sesiapa sahaja yang mencerca dan mencaci para sahabat. Rasulullah S.A.W tidak pernah berbohong dan segala yang disabdakannya adalah wahyu dari Allah dan bukannya berasaskan nafsu baginda S.A.W. Sehubungan dengan itu, Ihsān Ilāhī Zāhir dalam kritiknya berjaya mempertahankan maruah para sahabat daripada dihina oleh Syiah. Beliau berjaya membuktikan pendirian sebenar Syiah terhadap para sahabat, juga beliau berjaya membongkar tujuan sebenar Syiah mengadakan pelbagai doktrin akidah dan kepercayaan salah terhadap para sahabat.

PENUTUP

³⁹ Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Manāqib, Bāb fī Manāqib ‘Umar b. al-Khaṭṭāb, no h. 3682. Lihat Muḥammad b. ‘Isā Sawrah al-Tirmidhī (2000), *Ṣāḥih Sunan al-Tirmidhī*, j. 3, Riyāḍ : Maktabat al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 509. Ia dinukilkan oleh Ihsān al-Zāhir dan dimuatkan dalam kitabnya. Lihat *Ibid.*, 52.

⁴⁰ Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Manāqib, Bāb fī Manāqib Abī Bakr wa ‘Umar, no.h. 3666. Lihat *Ṣāḥih Sunan al-Tirmidhī*, j. 3, h. 504. Ia dinukilkan oleh Ihsān Ilāhī Zāhir dan dimuatkan dalam kitabnya. Lihat *Ibid.*

Umat Islam hari ini sewajarnya menyedari, bahawa para sahabat Rasulullah S.A.W yang selama ini diagungkan oleh Islam sebenarnya telah dihina dan dicera oleh syiah. Mereka tidak menyanjung bahkan menuduh dengan pelbagai tuduhan terhadap para sahabat. Sedangkan menurut ahli Sunnah wa al-Jama'ah, mereka adalah kalangan manusia yang dipuji oleh Allah dan Rasulnya rentetan dari sumbangannya yang besar menyebarkan Islam ke segenap pelusuk alam ini. Bahkan dalam beberapa hadis terdapat di kalangan sahabat yang dijanjikan syurga oleh Allah S.W.T rentetan dari keikhlasan dan pengorbanannya yang besar dalam penyebaran agama Islam. Justeru itu persepsi negatif Syiah Imamiah terhadap sahabat wajar di perbetulkan agar masyarakat tidak terpedaya dengan tipu daya mereka, dan kita golongan pengikut Ahli Sunnah jangan terpedaya dengan pendapat golongan Syiah terhadap para sahabat.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Asad Haydar (1987), *Sahābah Menurut Perspektif Islam*, trj. Hj. Khalid Kasban, Singapura: Pustaka al-Ikhwan.

Al-‘Asqalānī, Aḥmad b. ‘Alī b. Ḥajar (2000), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bayrūt: Dār al-Fikr.

Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar (2000), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyāḍ: Maktabat Dār al-Salam.

Al-Ash’arī, Abū Ḥasan al-Ash’arī (2008), *Maqālāt al-Islāmiyyīn*, Miṣr: Dār al-Nashr.

Al-Dahlawī, ‘Abd al-Azīz al-Imām Walī Allāh Aḥmad ‘Abd al-Raḥīm (1985), *Mukhtaṣar al-Tuḥfah al-Ithnā’ī Ashariyyah*, Riyāḍ: al-Ri’asah al-‘Āmmah li al-Idārat wa al-Buhūth al-‘miyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah wa al-Irshād.

Al-Jazāyirī, Saiyyid Niematullah (2008), *al-Anwār al-Nu’māniyyah*, Bayrūt: Dār al-Kūfah.

Al-Kandahlawī, Muḥammad Yūsuf (1995), *Ḥayāt al-Ṣaḥābah*, Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiyyah.

Al-Kāshī, Ibn ‘Amrū Muḥammad b. ‘Umar b. ‘Abd al-Azīz (t.t), *Rijāl al-Kāshī*, Bayrūt: Mua’ssasah al-A’alā li al-Maṭbū’āt.

Al-Kulaynī, Muḥammad Ya’qūb (1980), *Al-Rawḍah min al-Kāfī*.

_____ (1992), *Uṣūl al-Kāfī*, Bayrūt: Dār al-Awa’.

Al-Khimayni, Saiyyid Rūhullah al-Musāwī (t.t), *Kashf al-Asrār*, ‘Ammān: Dār Ammar li al-Nashr wa al-Tawzī’.

Al-Muẓaffar, Muḥammad Riḍā (t.t), *‘Aqā’id al-Imāmiyyah*, Irān: Muas’sasat Ansaria.

Al-Samāwī, Muḥammad al-Tijānī (t.t), *Al-Shī’ah Hum Ahl al-Sunnah*, London: Mu’assasah al-Fajr.

Al-Ṭūsī, Abū Ja’afar Muḥammad (1980), *Ikhtiār Ma’rifat al-Rijāl al-Ma’rūf bi Rijāl al-Kāshī*, Qum: Mu’assasah ‘Alī al-Bayt ‘alayhim al-Salām.

Al-Tirmidhī, Muḥammad b. ‘Īsā b. Thawrah al-Tirmidhī (2000), *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, Riyāḍ: Maktabat al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’.

Al-Tunsawī, Muḥammad ‘Abd al-Sattār al-Tunsawī (1986), *Buṭlān ‘Aqā’id al-Shī’ah*, Qāhirah: Dār al-‘Ulūm li al-Ṭibā’ah.

Al-Zaḥranī, ‘Alī b. Mūsā b. Majhūd (1999), *Ihsān Ilāhī Ṣāhīr wa Juhūdūh fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Radd ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, Sa’udī Arabiyyah: Jāmi’ah Umm al Qurā.

Ibn Athīr, ‘Izzudidīn Abī al-Ḥasan ‘Alī b. Abī al-Karam Muḥammad b. Muḥammad ‘Abd Karīm b. ‘Abd al-Wāḥid al-Shaybānī (1995), *Al-Kām fī al-Tārīkh*, Bayrūt: Dār Ṣādir.

Ihsān Ilāhī Ṣāhīr (1974), *Al-Shī’ah wa al-Sunnah*, Lāhūr: Maṭba’at Ma’arif.

Ihsān Ilāhī Ṣāhīr (1987), *Al-Shī’ah wa al-Tashayyū’*, Qāhirah: Dār Ibn Ḥazm.

Iḥsān Ilāhī Ṣāhīr (1987), *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, trj. Bey Arifin, Surabaya: PT Bina mu.

_____ (1987), *Syiah Berbohong Atas Nama Ahlul Bait*, trj. Bey Arifin & Mu'ammal Hamidy, Surabaya: PT Bina mu.

_____ (1994), *Syiah dan Para Sahabat*, trj. Baharuddin. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.